

11 JUN 1996

Sarji-Draf

KAJIAN DRAF PELAKSANAAN STANDARD ISO9000 DI PERINGKAT AKHIR

JOHOR BAHRU, 11 Jun (Bernama) -- Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sedang dalam peringkat akhir mengkaji draf Pekeliling Kemajuan Pentadbiran dan garis panduan pelaksanaan Standard ISO9000 sebelum ianya dilaksanakan.

Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid hari ini berkata, draf itu sudah pun dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk dibahaskan di Parlimen.

"Saya akan mengumumkan garis panduan dan pekeliling baru itu sebaik sahaja kerajaan meluluskan draf tersebut," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Kebangsaan "Isu-isu Dalam Pembangunan Sains dan Teknologi" di sini.

Beliau berkata draf pelaksanaan Standard ISO9000 itu perlu untuk memantapkan lagi prestasi JPA kerana ia terdedah kepada banyak cabaran masa depan.

Sarji, bagaimanapun berkata keberkesanaan pelaksanaan draf itu banyak bergantung kepada sikap dan kefahaman ketua-ketua jabatan mengenai kandungan peraturan yang terdapat pada draf itu.

Beliau berharap ketua-ketua jabatan akan dapat melaksanakan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran dan garis panduan Standard ISO9000 dengan sempurna apabila peraturan itu dikuatkuasakan kelak.

Dalam pada itu, katanya, kerajaan berharap seminar dua hari yang bermula di sini, hari ini akan dapat mencari kaedah yang sesuai bagi mempertingkatkan kemajuan sains dan teknologi dalam pembangunan masa kini.

Sarji berkata usaha itu perlu kerana sains dan teknologi akan menjadi teras pembangunan negara pada masa depan dengan memberi penekanan utama kepada dua faktor iaitu pemindahan teknologi tinggi dan mempertingkatkan lagi bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D). -- BERNAMA

BH PR